



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

CETAKAN SEMULA

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2008

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS

Pertama kali diperkenalkan sebagai
Bahagian Pertama Undang-Undang
Tubuh Kerajaan Perlis 1 Februari 1948

Kemudian Bahagian Kedua Undang-Undang
Tubuh Kerajaan Perlis telah diperkenalkan 30 Disember 1950

Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh
Kerajaan Perlis dan Bahagian Kedua
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis
kemudiannya dimansuhkan dan diganti
dengan Undang-Undang Tubuh
Kerajaan Perlis 1 Mac 1959

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1963

Cetakan Semula Yang Kedua 1982

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
SUSUNAN PERKARA	5 - 9
UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS	11 - 55
SENARAI PINDAAN	56 - 57
SENARAI PERKARA YANG DIPINDA	58 - 60

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS

SUSUNAN PERKARA

Perkara

1. Nama

BAHAGIAN I

2. Makna
3. Makna Undang-Undang Tubuh diberikan oleh Mahkamah Tinggi
4. Pindaan Undang-Undang Tubuh
- 4A. Cetakan semula Undang-Undang Tubuh

BAHAGIAN II

AGAMA NEGERI

5. Agama Negeri
6. Raja sebagai Ketua agama

BAHAGIAN III

7. Makna
8. Pindaan
9. (1) Putera lelaki Raja Syed Putra
(2) Putera lelaki Almarhum Tuan Syed Safi
(3) Putera lelaki Almarhum Tuan Syed Ahmad
(4) Putera lelaki Almarhum Tuan Syed Hussein

MAJLIS MESYUARAT MENGANGKAT RAJA

10. Hal mendirikan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Perlis
11. Ketetapan kepada mengangkat Raja

Perkara

12. Ahli dan jawatan
13. Fasal panggil sidang mesyuarat Majlis Mengangkat Raja
14. Fasal memilih dan mengangkat Raja kerana tiada keturunan atau enggan tiada mahu dipertetap Waris yang akhir sekali
15. Fasal panggil Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja bagi memilih dan mengangkat Raja
16. Fasal buang undi-undi dan keputusan-keputusan
17. Sidang-sidang mesyuarat
18. Minit dan rekod

RAJA

19. Kelayakan Raja
20. Pemangku Raja
21. Wakil Raja di dalam Majlis Raja-Raja
22. Perbuatan Raja yang belum cukup umur
23. Masa selangan di antara kemangkatan Raja dan ketetapan Gantinya
24. Masa berselangan di antara kemangkatan Raja dan angkatan Gantinya
25. Perkara tabal Raja
26. Raja hendak berhenti daripada Kerajaan
- 26A. Raja Pemerintah terhenti menjalankan pekerjaan atau terhenti menjadi Raja Pemerintah
27. Raja meninggal Negeri terlampau lama

ISTERI RAJA

28. Kuasa boleh mengangkat Raja Perempuan

WARIS-WARIS

29. Waris
30. Raja Muda
31. Waris-Waris tiada boleh campur di dalam perkara Negeri

PERKARA AM

32. Gelaran dan kebesaran
33. Kuasa menurun atau membuang daripada pangkat martabat

Perkara

- 34. Balai penghadapan dan di istana Raja
- 35. Kuasa-kuasa khas bagi Yang Maha Mulia

BAHAGIAN IV

KEKUASAAN PERINTAHAN

- 36. Kekuasaan perintahan
- 37. Jawatan Menteri Besar
- 38. Jawatan pegawai-pegawai
- 39. Majlis Mesyuarat Kerajaan
- 40. Sumpah jawatan
- 41. Raja Pemerintah hendaklah menurut nasihat
- 42. Bahasa rasmi bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan
- 43. Beberapa ahli bagi mencukupi Majlis Mesyuarat Kerajaan
- 43A. Setiausaha Politik

KUASA AMPUN

- 44. Kuasa ampun dan sebagainya

KUASA NEGERI

- 45. Kuasa Negeri berkenaan dengan harta benda, perjanjian dan dakwaan

MAJLIS UNDANGAN

- 46. Majlis Undangan Negeri
- 47. Keanggotaan Dewan Negeri
- 48. Kelayakan ahli
- 49. Hal ahli-ahli Dewan Negeri menjadi tiada layak
- 50. Syarat menegah menjadi ahli bagi dua kawasan pilihan raya
- 51. Akibat perkara tiada layak dan ketegahan lantikan dengan tiada persetujuan
- 52. Ahli berhenti
- 53. Ahli tiada hadir
- 54. Keputusan berkenaan dengan perkara tiada layak

Perkara

55. Memanggil, merentikan dan memansuhkan Dewan Negeri
56. Speaker Dewan Negeri dan Timbalan Speaker
57. Sumpah ahli-ahli
58. Ucapan Raja Pemerintah
59. Peraturan Dewan Negeri
60. Gaji dan bayaran wang ahli
61. Menzahirkan Rang Undang-Undang
62. Menjalankan kuasa membuat undang-undang
63. Perkataan undang-undang
64. Bahasa rasmi bagi Dewan Negeri
65. Beberapa ahli bagi mencukupi persidangan

SYARAT-SYARAT KEWANGAN

66. Tiada boleh diambil hasil melainkan dibenarkan oleh undang-undang
67. Perbelanjaan dibayar daripada Kumpulan Wang
68. Keterangan kewangan tahunan
69. Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri
70. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan yang berlebihan
71. Mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang

SYARAT-SYARAT KHAS BERKENAAN DENGAN
ORANG MELAYU

72. Memelihara kadar berkenaan dengan pekerjaan, surat kebenaran dan sebagainya bagi orang Melayu

LAYANAN YANG ADIL

73. Layanan adil untuk pegawai kerajaan

PERKARA AM

74. Mohor Kerajaan
75. Alatan Kebesaran dan Bendera Negeri
76. Aturan taraf

PERMULAAN

Perkara

77. Permulaan

KEBEBASAN RAJA

78. Kebebasan Raja Pemerintah tersimpan

SYARAT PERALIHAN

79. Syarat-syarat sementara berkenaan dengan kandungan Majlis Mesyuarat Kerajaan
80. Pembatalan

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS

PUTRA IBNI HASSAN JAMALULLAIL

Raja Perlis

(MOHOR KERAJAAN)

Bismillahirrahmannirrahim

*Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassolatu Wassalamu 'ala
Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahbihi ajma'in*

DENGAN KURNIA TUHAN BAHAWA KAMI SYED PUTRA IBNI ALMARHUM SYED HASSAN JAMALULLAIL Darjah Utama Seri Mahkota Negara Raja Negeri Perlis serta segala daerah takluknya:

Permulaan

BAHAWA ADALAH KAMI pada 21 haribulan *Rabiulawal* 1367 bersamaan dengan 1 haribulan Februari 1948 telah mengurnia dan memasyhurkan suatu Undang-Undang Tubuh Kerajaan yang bertulis bagi Negeri KAMI Negeri Perlis iaitu Bahagian Yang Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis yang memberi kuasa kepada KAMI dan Ganti-Ganti KAMI dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri yang akan ditentukan dengan membuat ketetapan di atas satu cadangan yang dicadangkan bagi keputusan Majlis Mesyuarat itu dari suatu masa ke suatu masa pada menambah, meminda, membesarkan dan membatalkan manamana satu atau semua syarat-syarat yang terkandung di dalam Bahagian Yang Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis yang KAMI atau Ganti-Ganti KAMI memikirkan layak:

DAN BAHAWASANYA KAMI pada 21 haribulan *Rabiulawal* 1370 bersamaan dengan 30 haribulan Disember 1950 telah mengurnia dan memasyhurkan suatu Undang-Undang Tubuh Kerajaan yang bertulis bagi negeri KAMI Negeri Perlis iaitu Bahagian Yang Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis yang memberi kuasa kepada KAMI dan Ganti-Ganti KAMI dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri yang akan ditentukan dengan membuat ketetapan di atas satu cadangan yang dicadangkan bagi

keputusan Majlis Mesyuarat itu dari suatu masa ke suatu masa pada menambah, meminda, membesarkan dan membatalkan mana-mana satu atau semua syarat-syarat yang terkandung di dalam Bahagian Yang Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis yang KAMI atau Ganti-Ganti KAMI memikirkan layak:

DAN BAHAWASANYA adalah mustahak mengikut Perkara 71 bagi Perlembagaan Persekutuan bagi memasukkan ke dalam Perlembagaan Negeri ini berbagai-bagai syarat yang terkandung di dalam Jadual Yang Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan:

DAN BAHAWASANYA KAMI fikir maka munasabahlah bagi Bahagian-Bahagian Pertama dan Kedua kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis yang tersebut dibatal dan digantikan dengan syarat-syarat lain:

OLEH YANG DEMIKIAN SEKARANG KAMI dengan hak-hak dan kuasa-kuasa KAMI sebagai Raja dan Pemerintah Negeri Perlis dan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri yang ditentukan dengan suatu ketetapan di atas suatu cadangan yang dicadangkan bagi keputusan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri pada 28 haribulan Februari 1959 maka inilah KAMI MEMASYHURKAN DAN MEMERINTAHKAN dengan nama KAMI dan bagi pihak diri KAMI dan bagi pihak Ganti-Ganti KAMI bagaimana yang tersebut di bawah ini:

Nama

1. Maka Undang-Undang ini boleh dinamakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis dan hendaklah dibaca tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN I

Makna

2. (1) Di dalam Undang-Undang Tubuh ini melainkan perkataan yang di sebelah-menyebelah ini menunjukkan maksud yang lain maka perkataan yang tersebut di bawah ini mempunyai makna-makna yang dipertetapkan bagi masing-masingnya iaitu—

“Ahli Kerabat di-Raja” itu maknanya mana-mana anak laki-laki atau anak perempuan atau cucu bagi Raja;

“Dewan Negeri” itu maknanya Dewan Negeri bagi Negeri ini;

“Kumpulan Wang” itu maknanya Kumpulan Wang Negeri ini;

“Majlis Undangan” itu maknanya badan yang mempunyai kuasa menurut Undang-Undang Tubuh ini boleh membuat undang-undang bagi Negeri ini;

“Mesyuarat” itu maknanya mana-mana mesyuarat atau mesyuarat-mesyuarat bagi Dewan Negeri yang dimulakan pada masa Dewan itu mengadakan mesyuaratnya yang pertama selepas dipanggil pada mana-mana masa dan tempat manakala Dewan itu ditangguhkan dengan tidak ditetapkan masa ataupun pada akhir suatu persidangan dengan tidak ditangguhkan;

“Negeri” itu maknanya Negeri Perlis;

“Perlembagaan Persekutuan” itu maknanya Perlembagaan bagi Persekutuan;

“Persidangan” itu maknanya mesyuarat-mesyuarat bagi Dewan Negeri yang dimulakan pada masa Dewan itu mengadakan perjumpaan kali yang pertama selepas ditubuhkan atau selepas dihentikan atau dibubarkan pada mana-mana masa, dan terhenti manakala Dewan itu dihentikan atau dibubarkan dengan tidak payah dihentikan;

“Raja” itu maknanya Raja dan Raja Pemerintah Negeri Perlis dan termasuk Ganti-Gantinya.

(2) Melainkan perkataan yang di sebelah-menyebelah itu menunjukkan maksud yang lain sebarang sebutan di dalam Undang-Undang Tubuh ini berkenaan Perkara yang tertentu, Bahagian, Bab atau Jadual ialah sebutan berkenaan Perkara atau Bahagian atau Bab atau berkenaan dengan Jadual Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini dan sebarang sebutan berkenaan dengan Fasal khas itu ialah sebutan berkenaan dengan Fasal di dalam Perkara yang ada sebutan itu.

(3) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat yang tersebut di atas ini Fasal (2) bagi Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan itu hendaklah terkena bagi memaknakan Undang-Undang Tubuh ini seperti yang perkara itu terkena bagi memaknakan Perlembagaan Persekutuan.

(4) Melainkan jika disyaratkan dengan terang oleh Undang-Undang Tubuh ini berkenaan dengan makna apa-apa perkataan atau lafaz atau jika perkataan yang di sebelah-menyebelah itu berkehendakkan maksud yang lain maka *Ordinan Tafsiran dan Fasal–Fasal Am 1948 [*M.U. 7 tahun 1948*] hendaklah terkena bagi pengertian Undang-Undang Tubuh ini seperti yang Undang-Undang itu terkena bagi pengertian mana-mana undang-undang yang tertulis.

Makna Undang-Undang Tubuh diberikan oleh Mahkamah Tinggi

3. (1) Dengan tiada melemahkan sebarang kekuasaan Mahkamah Tinggi berkenaan dengan hal ulang bicara atau membetulkan kesilapan jika di dalam mana-mana pendakwaan di hadapan mahkamah lain berbangkit masalah berkenaan dengan maksud mana-mana syarat di dalam Undang-Undang Tubuh ini berkuasalah Mahkamah Tinggi dengan permintaan salah satu pihak di dalam pendakwaan itu boleh memutuskan masalah ini dan boleh menyelesaikan perkara itu atau menghantarkannya kepada mahkamah yang lain itu supaya diselesaikan menurut keputusan itu.

(2) Berkuasalah Raja Pemerintah boleh meminta pendapat Mahkamah Tinggi berkenaan dengan apa-apa masalah yang bersangkutan dengan maksud mana-mana syarat Undang-Undang Tubuh ini yang berbangkit atau yang nampak kepadanya harus akan berbangkit dan hendaklah Mahkamah Tinggi menyatakan pendapatnya itu di dalam mahkamah yang terbuka berkenaan dengan apa-apa masalah yang dipinta pendapatnya.

Pindaan Undang-Undang Tubuh

4. (1) Syarat-syarat yang tersebut di bawah ini di dalam Perkara ini hendaklah berjalan kuat kuasanya berkenaan dengan pindaan bagi Undang-Undang Tubuh ini.

(2) Syarat-syarat yang berkenaan dengan perkara naik takhta dan kedudukan Datuk-Datuk Yang Memerintah dan Orang Besar Melayu yang seumpamanya menurut adat tiada boleh dipindakan oleh Majlis Undangan Negeri ini.

*CATATAN — Ordinan ini telah disatukan dan disemak menjadi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 1989.

(3) Mana-mana syarat yang lain setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Perkara ini bolehlah dipindahkan oleh undang-undang yang diperbuatkan oleh Majlis Undangan tetapi tiada boleh dipindahkan dengan sebarang jalan yang lain.

(4) Rang Undang-Undang bagi mengadakan pindaan kepada Undang-Undang Tubuh ini (yang lain daripada pindaan yang dikecualikan daripada syarat-syarat Fasal ini) tiada boleh diluluskan oleh Dewan Negeri melainkan Rang Undang-Undang itu disokong apakala dibaca bagi kali yang Kedua dan yang Ketiga oleh undi yang tiada kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli-ahlinya.

(5) Syarat-syarat yang tersebut di bawah ini dikecualikan daripada syarat-syarat Fasal (4) iaitu—

- (a) sebarang pindaan yang terjadi dengan sebab mana-mana undang-undang yang tersebut di dalam seksyen 4 atau seksyen 21 di dalam Jadual Yang Kelapan Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) sebarang pindaan yang bermaksud hendak menyamakan Undang-Undang Tubuh ini dengan mana-mana syarat-syarat Jadual yang tersebut itu tetapi hanya jika diperbuatkan lepas telah dipilih Dewan Negeri menurut seksyen 4 Jadual itu.

(6) Perkara ini tiada membatalkan sebarang syarat Undang-Undang Tubuh ini yang berkehendakkan persetujuan mana-mana kumpulan orang berkenaan dengan sebarang pindaan yang berkenaan dengan—

- (a) lantikan dan sifat-sifat waris atau waris-warisan bagi Takhta Kerajaan bagi Isteri Raja Pemerintah atau Pemangku Raja atau ahli-ahli Jemaah Pemangku Raja bagi Negeri ini;
- (b) perkara memecat atau membuang atau menurunkan Raja Pemerintah atau waris atau waris-warisnya daripada Takhta Kerajaan;
- (c) lantikan dan sifat-sifat Datuk-Datuk Yang Memerintah dan Orang Besar Melayu seumpamanya menurut adat dan ahli-ahli Majlis Agama atau Majlis Penasihat Adat atau badan-badan yang seumpamanya;
- (d) pertubuhan, peraturan, ketetapan, perkara melucutkan pangkat, gelaran, kemuliaan, kebesaran dan hadiah-hadiah dan sifat-sifat orang yang menyandangnya dan peraturan istana atau balai penghadapan.

(7) Di dalam perkara ini “pindaan” itu termasuklah penambahan dan pembatalan.

Cetakan semula Undang-Undang Tubuh

4A. Pihak berkuasa dilantik di bawah Undang-Undang Negeri Perlis bagi maksud menyemak undang-undang boleh, dengan persetujuan Raja Pemerintah, membenarkan pencetakan salinan Undang-Undang Tubuh Negeri ini, termasuk segala pindaan yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan itu; dan mana-mana salinan Undang-Undang Tubuh ini yang dicetak sedemikian hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai satu salinan yang benar dan betul bagi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis.

BAHAGIAN II

AGAMA NEGERI

Agama Negeri

5. (1) Agama bagi Negeri ialah agama Islam *Ahli Sunnah Waljama'ah* seperti telah diamalkan di dalam Negeri.

(2) Agama lain boleh diamalkan oleh orang yang memelukinya di mana-mana tempat pun di dalam Negeri akan tetapi mereka hendaklah mengamalkannya dengan aman.

Raja sebagai Ketua agama

6. (1) Ketua agama bagi Negeri ialah Raja dan Raja boleh memerintah supaya dibuat undang-undang untuk tujuan mengatur dan menubuh sebuah majlis yang dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi membantu dan menasihati Baginda di dalam segala perkara yang berkaitan dengan agama Negeri dan adat istiadat Melayu.

(2) Dengan tidak menghiraukan adanya Jemaah Pemangku Raja atau Pemangku Raja di dalam Negeri dengan sebab Raja telah dilantik menjadi ataupun menjalankan tugas Yang di-Pertuan Agong maka Raja hendaklah terus menjalankan tugas sebagai Ketua agama Negeri.

(3) Sebagai Ketua agama Negeri, Raja hendaklah, menurut syarat Perlembagaan Persekutuan, memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mewakilinya di dalam apa-apa perbuatan, adat istiadat atau upacara mengenai agama Islam yang dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Raja-Raja kena diikuti di dalam Persekutuan semua sekali.

BAHAGIAN III

Makna

7. Di dalam Bahagian ini melainkan perkataan yang di sebelah-menyebelah itu menunjukkan maksud yang lain maka—

“Bakal Ganti Raja” itu maknanya Waris yang jika ia hidup akan menaiki Takhta Kerajaan Negeri Perlis manakala Raja mangkat atau turun Takhta;

“Keputusan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja” itu maknanya suatu keputusan yang menetapkan bahawa mengangkat Raja naik Takhta bagi Kerajaan Negeri Perlis sama ada dipertetap atau ditolakkan yang mana-mana satu dan termasuk juga keputusan bahawa seseorang Raja baru telah dipilih dan diangkatkan dan juga termasuk mana-mana keputusan bagi menasihati dan bersetuju dengan mana-mana pindaan kepada Undang-Undang Tubuh ini yang diperbuat di bawah Perkara 8 tetapi tiada termasuk apa-apa keputusan yang lain yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu;

“Waris” itu maknanya mana-mana orang yang ada pertalian menurut tertib boleh menaiki Takhta Kerajaan Negeri Perlis;

“Waris Yang Kedua” itu maknanya Waris yang tiada menjadi Bakal Ganti Raja yang pada mana-mana masa yang tertentu akan menaiki Takhta Kerajaan Negeri Perlis apakala Raja mangkat atau turun Takhta.

Pindaan

8. Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Perkara 4 maka syarat Bahagian ini bolehlah dipindahkan oleh Raja Pemerintah dengan Perisytiharan yang dikeluarkan dengan nasihat dan persetujuan tiada kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja tetapi tiada boleh dipindahkan oleh Majlis Undangan Negeri ini atau dengan sebarang jalan yang lain.

Putera lelaki Raja Syed Putra

9. (1) Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis itu hendaklah turun kepada Putera lelaki yang tua kepada DULI YANG MAHA MULIA RAJA SYED PUTRA IBNI ALMARHUM SYED HASSAN JAMALULLAIL dan lepas daripada itu hendaklah turun menurun kepada zuriat lelakinya yang tua sekali daripada sebelah lelaki yang ada hidup pada masa itu.

Putera lelaki Almarhum Tuan Syed Safi

(2) Jika sekiranya tiada ada keturunan lelaki daripada DULI YANG MAHA MULIA RAJA SYED PUTRA IBNI ALMARHUM SYED HASSAN JAMALULLAIL yang hidup atau jika ada tetapi tiada dipertetapkan menjadi Raja mengikut syarat-syarat Bahagian ini maka ganti naik Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis jatuhlah kepada keturunan ALMARHUM TUAN SYED SAFI yang lelaki yang tua sekali yang ada pada masa itu dan hendaklah ia itu dipertetapkan jadi Raja mengikut syarat-syarat Bahagian ini dan lepas daripada itu Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis itu hendaklah turun menurun kepada zuriat lelakinya yang tua sekali daripada sebelah lelaki yang ada pada masa itu.

Putera lelaki Almarhum Tuan Syed Ahmad

(3) Jika sekiranya tiada ada keturunan lelaki daripada ALMARHUM TUAN SYED SAFI atau jika ada tetapi tiada dipertetapkan menjadi Raja mengikut syarat-syarat Bahagian ini tatkala itu ganti naik Takhta dan Kerajaan Perlis itu hendaklah jatuh kepada putera lelaki ALMARHUM TUAN SYED AHMAD ialah kepada anak yang tua sekali yang ada pada masa itu dan hendaklah ia itu dipertetapkan menjadi Raja mengikut syarat Bahagian ini dan lepas daripada itu Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis itu hendaklah turun menurun kepada zuriat lelakinya yang tua sekali daripada sebelah lelaki yang ada pada masa itu.

Putera lelaki Almarhum Tuan Syed Hussein

(4) Jika sekiranya tiada ada keturunan lelaki daripada ALMARHUM TUAN SYED AHMAD ataupun jika ada tetapi tiada dipertetapkan menjadi Raja di bawah syarat-syarat Bahagian ini tatkala itu ganti naik Takhta dan Kerajaan Perlis itu hendaklah jatuh kepada putera lelaki ALMARHUM TUAN SYED HUSSEIN

ialah kepada anak yang tua sekali yang ada pada masa itu dan hendaklah ia itu dipertetapkan jadi Raja mengikut syarat-syarat Bahagian ini dan lepas daripada itu Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis itu hendaklah turun menurun kepada zuriat lelakinya yang tua sekali daripada sebelah lelaki yang ada pada masa itu.

MAJLIS MESYUARAT MENGANGKAT RAJA

Hal mendirikan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Perlis

10. Maka inilah didirikan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Negeri Perlis yang dinamakan di dalam bahasa Inggeris “The Council of Succession of Perlis”.

Ketetapan kepada mengangkat Raja

11. Tiada seseorang yang akan diangkat naik Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis melainkan angkatannya itu telah dipertetapkan oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

Ahli dan jawatan

12. Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah mengandungi—

- (a) seorang Yang Dipertua yang dilantik oleh Raja Pemerintah menurut timbangannya dengan Tauliah dan ditandatangani serta dicap mohor dengan Mohor Kerajaan dan dinyatakan dalam *Warta Kerajaan*; dan
- (b) empat orang lelaki ahli Kerabat Diraja Negeri Perlis yang dilantik oleh Raja Pemerintah menurut timbangannya dengan Tauliah dan ditandatangani serta dicap mohor dengan Mohor Kerajaan dan dinyatakan dalam *Warta Kerajaan*; dan
- (c) lima orang lelaki yang bukan ahli Kerabat Diraja Negeri Perlis yang dilantik oleh Raja Pemerintah menurut timbangannya dengan Tauliah dan ditandatangani serta dicap mohor dengan Mohor Kerajaan dan dinyatakan dalam *Warta Kerajaan*; dan
- (d) Mufti Negeri Perlis; dan
- (e) seorang Setiausaha yang akan dilantik oleh Yang Dipertua.

Fasal panggil sidang mesyuarat Majlis Mengangkat Raja

13. (1) Apabila Raja mangkat atau berhenti dari Kerajaannya atau turun dari menjadi Raja mengikut peruntukan Bahagian ini, mengikut mana yang berkenaan, Yang Dipertua hendaklah memanggil suatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja pada masa dan di tempat yang ditetapkan melalui suatu notis bertulis yang dihantar kepada setiap ahli dan hendaklah dihadiri oleh tiap-tiap ahli kecuali ketidakhadiran ahli tersebut dimaafkan oleh Yang Dipertua atas sebab yang didapatinya munasabah dan mencukupi.

(2) Di dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah dipertetapkan Bakal Ganti Raja atau Waris Yang Kedua mengikut kejadiannya itu menjadi Raja melainkan setelah lepas diadakan pemeriksaan yang sepenuh dan yang secukupnya Majlis itu berfikir ianya mempunyai apa-apa kecacatan yang besar dan berat yang menyalahi sifat Raja seperti kelemahan badan, buta, bisu atau mempunyai sifat-sifat yang keji yang tiada dibenarkan oleh Hukum Syarak menjadi Raja.

(3) Jika Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu tolakkan Bakal Ganti Raja atau Waris Yang Kedua mengikut kejadiannya menjadi Raja hendaklah diangkat Waris yang lain ikut tertibnya dengan syarat boleh juga ditolakkan sehingga Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu dipertetap seorang daripada Waris yang lain menjadi Raja begitulah sampai akhirnya Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja berkuasa boleh ditolakkan.

Fasal memilih dan mengangkat Raja kerana tiada keturunan atau enggan tiada mahu dipertetap Waris yang akhir sekali

14. (1) Manakala Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis itu tertinggal kosong dengan sebab tiada ada keturunan atau dengan sebab ditolak oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja menetapkan Waris yang akhir sekali maka terwajiblah di atas Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja memilih dan mengangkat mana-mana seorang menjadi Raja:

Akan tetapi syaratnya orang yang hendak dipilih dan diangkat itu ialah seorang laki-laki yang cukup umur sempurna akal daripada bangsa Melayu Perlis dan rakyat Negeri Perlis dan beragama Islam *Ahli Sunnah Waljama'ah* daripada darah yang baik tetapi tiada dikehendaki daripada darah raja dan yang diakui sah dan halal

peranakannya dengan ada pula pengetahuannya boleh baca dan menulis bahasanya dan ada mempunyai nama dan budi pekerti tabiat perangai tingkah laku yang baik dan kepujian.

(2) Lepas daripada dipilih dan diangkat seseorang di bawah syarat Fasal (1) Perkara ini telah menjadi Raja maka Takhta dan Kerajaan Negeri Perlis itu hendaklah turun temurun kepada zuriat laki-laknya yang tua sekali daripada sebelah laki-laki yang ada hidup pada masa itu.

Fasal panggil Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja bagi memilih dan mengangkat Raja

15. (1) Apabila berlaku mana-mana satu kejadian yang disebut dalam Perkara 14, Yang Dipertua hendaklah memanggil suatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja bagi memilih dan mengangkat seorang Raja seperti yang diperuntukkan dalam Perkara tersebut.

(2) Maka panggilan itu hendaklah dialamatkan dengan surat kepada tiap-tiap seorang ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja pinta ia hadir pada waktu dan di tempat yang disebutkan di dalam surat panggilan itu.

(3) Tiap-tiap ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah menghadiri tiap-tiap mesyuarat pada masa dan di tempat yang ditetapkan dalam notis tersebut kecuali atas sebab yang didapati munasabah dan mencukupi oleh Yang Dipertua.

Fasal buang undi-undi dan keputusan-keputusan

16. (1) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Perkara 8 maka sebarang keputusan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu hendaklah menjadi tiada sah dan tiada terpakai melainkan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan yang buang undi-undi itu bersetuju dengan keputusan itu.

(2) Sesuatu keputusan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja tidak boleh menjadi terbatal hanya dengan sebab ketidakhadiran seorang ahli, sama ada dimaafkan oleh Yang Dipertua, atau sebaliknya:

Dengan syarat seorang ahli yang tidak hadir tanpa mendapat maaf dari Yang Dipertua atau gagal memberi alasan yang munasabah atas ketidakhadirannya kepada Yang Dipertua hendaklah terhenti dari menjadi ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

(3) Maka tidaklah sebarang keputusan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu menjadi terbatal hanya dengan sebab dilantik kepada Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu mana-mana orang yang tidak lulus bagi lantikan yang sedemikian itu di bawah Perkara 12.

Sidang-sidang mesyuarat

17. (1) Ditegah tiada boleh mana-mana orang hadir di dalam mana-mana mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja melainkan ia itu ahli Majlis itu.

(2) Yang Dipertua boleh menangguh sesuatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dari semasa ke semasa tetapi sesuatu mesyuarat apabila telah dimulakan hendaklah diteruskan sehingga sesuatu keputusan dibuat oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

Minit dan rekod

18. (1) Setiausaha hendaklah menulis dan menyimpan minit-minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

(2) Suatu rekod bertulis tiap-tiap keputusan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah dibuat dan disimpan oleh Setiausaha dan hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua dan tandatangan itu hendaklah disaksikan oleh Setiausaha.

(3) Tiap-tiap satu keputusan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu hendaklah dinyatakan di dalam *Warta Kerajaan*.

RAJA

Kelayakan Raja

19. Melainkan seperti yang disyaratkan di dalam Perkara 14 Raja itu hendaklah seorang daripada bangsa Melayu dan darah raja keturunan pemerintah-pemerintah Negeri Perlis dan laki-laki dan beragama Islam *Ahli Sunnah Waljama'ah*.

Pemangku Raja

20. (1) Maka hendaklah diadakan Pemangku Raja di dalam Negeri ini—

- (a) jika Raja itu berumur kurang daripada dua puluh satu tahun mengikut hitungan *Hijrah*; atau
- (b) jika Raja diangkat kepada jawatan atau menjalankan pekerjaan Yang di-Pertuan Agong; atau
- (c) jika Raja Pemerintah keluar daripada Negeri selama lebih daripada tiga puluh hari; atau
- (d) jika Raja Pemerintah uzur tiada upaya menguruskan hal-hal Negeri; atau
- (e) jika Raja Pemerintah terhenti menjalankan pekerjaannya menurut Fasal (1) Perkara 26A.

(2) (a) Maka hendaklah Raja itu mengangkat seorang Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja menurut seperti yang difikir patut sekali olehnya bagi menjalankan pekerjaannya sebagai Raja Pemerintah jika takdirnya diangkatkannya menjadi Yang di-Pertuan Agong atau Dia menjalankan pekerjaan Yang di-Pertuan Agong bagi masa yang lebih daripada lima belas hari.

(b) Jika Raja Pemerintah akan berangkat keluar Negeri atau jika Dia terhenti menjalankan pekerjaannya menurut Fasal (1) Perkara 26A maka hendaklah Dia angkat seorang Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja yang difikirkan patut sekali olehnya.

(c) Berkenaan dengan perkara yang lain maka hendaklah Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu mengangkat seorang Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja yang tampak patut sekali kepadanya.

(3) Ditegah tiada boleh diangkat siapa-siapa menjadi Pemangku Raja atau ahli Jemaah Pemangku Raja melainkan dia seorang Melayu beragama Islam *Ahli Sunnah Waljama'ah*.

(4) Maka hendaklah Pemangku Raja dan Jemaah Pemangku Raja itu berhenti daripada menyempurnakan pekerjaannya manakala—

- (a) Raja itu berumur dua puluh satu tahun mengikut hitungan *Hijrah*; atau
- (b) Raja itu berhenti daripada memegang jawatan atau menyempurnakan pekerjaan Yang di-Pertuan Agong; atau

- (c) Raja Pemerintah balik kepada Negeri ini; atau
- (d) Raja Pemerintah sembuh daripada kegeringannya; atau
- (e) terhentinya hal keadaan yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 26A.

Wakilan Raja di dalam Majlis Raja-Raja

21. (1) Berkuasalah Raja itu boleh mengangkat dengan Tauliah dan disain serta dicap dengan Mohor Kerajaan mana-mana orang bangsa Melayu yang beragama Islam bagi menggantikannya sebagai ahli di dalam Majlis Raja-Raja.

(2) Tiap-tiap lantikan itu ialah bagi sekian-sekian masa dan menurut sekian-sekian syarat dan had yang dipertetapkan di dalamnya.

Perbuatan Raja yang belum cukup umur

22. Segala perbuatan Raja yang belum cukup umur di dalam perkara Negeri bertanggunglah di atas Pemangkunya atau Jemaah Pemangku Raja mengikut kejadiannya. Maka jika perbuatan itu bercanggah dengan adat Negeri ini atau kepada mana-mana syarat bagi Undang-Undang Tubuh ini berkuasalah Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh memberhentikan Pemangku atau mana-mana ahli Jemaah Pemangku Raja itu mengikut kejadiannya dan mengangkat orang lain di tempatnya.

Masa selangan di antara kemangkatan Raja dan ketetapan Gantinya

23. (1) Dalam masa berselangan di antara masa mangkat atau berhenti seseorang Raja atau turun Dia daripada menjadi Raja menurut syarat-syarat Bahagian ini (mengikut kejadiannya) dengan masa ketetapan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (yang disebutkan kemudian daripada ini “di dalam masa berselangan”) tiada dikehendaki mengangkat Pemangku atau Jemaah Pemangku Raja.

(2) Maka Raja yang telah dipertetapkan menjadi Raja oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah disifatkan telah menjadi Raja dengan serta-merta apabila mangkat sahaja Raja yang terdahulu daripadanya itu dan kesemua perbuatannya yang

dilakukan mengikut undang-undang di dalam Negeri ini di dalam masa berselangan itu dalam mana-mana Majlis Mesyuarat Penguasa Kerajaan atau pegawai kerajaan yang dikata telah diperbuat bagi pihak Raja atau dengan kebenaran Raja atau mengikut hak kekuasaan Raja atau mengikut mana-mana syarat bagi Undang-Undang Tubuh ini atau mengikut syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan hendaklah disifatkan sah dengan tidak apa-apa soal lagi.

Masa berselangan di antara kemangkatan Raja dan angkatan Gantinya

24. Maka di dalam masa berselangan di antara mangkat seorang Raja dan pilihan dan angkatan Raja yang baru di bawah syarat-syarat Perkara 14 hendaklah diangkat seorang Pemangku dan syarat-syarat di bawah Fasal (2) dan (3) Perkara 20 hendaklah terkena kepada angkatan itu.

Perkara tabal Raja

25. Maka Raja itu hendaklah ditabalkan mengikut adat istiadat Negeri Perlis.

Raja hendak berhenti daripada Kerajaan

26. (1) Maka bolehlah Raja itu berhenti daripada Kerajaan dengan kesukaannya sendiri dan melepaskan hak-hak dan kuasanya.

(2) Jika ketika Dia berhenti daripada Kerajaan itu Raja itu duduk dalam Negeri ini maka perbuatan berhenti daripada Kerajaan itu hendaklah diperbuat dengan Surat yang ada tandatangannya dan dimeterai dengan Mohor Kerajaan dan Surat itu hendaklah disaksikan oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan yang dikehendaki hadir bersama-sama ketika Raja itu sains Surat yang tersebut itu.

(3) Jika masa Dia berhenti daripada Kerajaan Raja itu tiada duduk dalam Negeri maka perbuatan berhenti daripada Kerajaan itu hendaklah diperbuat dengan Surat yang dimeterai dengan Mohor Kerajaan dengan dinyatakan diperbuat bagi pihak Raja dan disain oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

(4) Manakala diperura-urakan di dalam *Warta Kerajaan* akan Surat Dia berhenti daripada Kerajaan itu maka hendaklah disifatkan Raja itu tiada menjadi Raja lagi dan menarik diri daripada Kerajaan dan hak-hak dan tuntutan di atas Negeri ini:

Akan tetapi syaratnya berhaklah dia mendapat elaun seumur hidupnya daripada perolehan-perolehan Negeri ini yang akan dipertetapkan oleh Dewan Negeri dan jika dia tiada mempunyai sebuah rumahnya yang layak di Malaysia maka berhaklah dia seumur hidupnya diadakan oleh Dewan Negeri sebuah tempat kediamannya yang layak di Malaysia ini.

Raja Pemerintah terhenti menjalankan pekerjaan atau terhenti menjadi Raja Pemerintah

26A. (1) Jika Raja Pemerintah dipertuduh atas sesuatu kesalahan dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan, dia hendaklah terhenti menjalankan pekerjaan Raja Pemerintah Negeri.

(2) Jika Raja Pemerintah disabitkan atas suatu kesalahan dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan dan dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh lebih daripada satu hari dia hendaklah terhenti menjadi Raja Pemerintah Negeri melainkan jika dia menerima pengampunan.

Raja meninggal Negeri terlampau lama

27. (1) Maka tiada boleh Raja itu tinggal Negeri Perlis selama daripada dua belas bulan berturut-turut ikut hitungan tahun *Hijrah* melainkan jika tampak kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan ada cukup sebab-sebab yang boleh dimaafkan bagi Dia tinggal Negeri Perlis lebih daripada masa itu.

(2) Jika Raja itu melanggar syarat-syarat Fasal (1) Perkara ini hendaklah disifatkan dia bukan menjadi Raja lagi dan telah menarik diri daripada Kerajaan dan hak-hak dan tuntutan di atas Negeri ini:

Akan tetapi syaratnya jika Dewan Negeri fikir patut boleh diberi daripada perolehan Negeri elaun bagi belanja hidupnya sebanyak tiada lebih daripada sesuku bahagian daripada wang

yang ditentukan bagi belanja hidupnya ketika dia menjadi Raja yang memerintah Negeri.

(3) Tiada apa-apa pun di dalam Perkara ini yang terkena kepada Raja ketika Dia memegang jawatan atau menyempurnakan pekerjaan Yang di-Pertuan Agong.

ISTERI RAJA

Kuasa boleh mengangkat Raja Perempuan

28. (1) Maka berkuasalah Raja itu menggelar Isterinya menjadi Raja Perempuan Perlis:

Akan tetapi syaratnya ia itu ialah seorang isteri Raja yang sah nikahnya pada agama Islam dan daripada bangsa Melayu.

(2) Raja Perempuan Perlis itu hendaklah menerima elaun jika ada daripada perolehan Negeri yang dibenarkan oleh Dewan Negeri.

(3) Dengan tidak menghiraukan kepada apa-apa syarat yang terkandung dalam Fasal (2) dalam Perkara ini maka tidaklah boleh dibayar apa-apa elaun—

- (a) kepada Raja atau Isteri Raja yang bergelar Raja Perempuan bagi mana-mana tempoh yang Raja dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong; atau
- (b) kepada Raja bagi mana-mana tempoh yang lebih daripada lima belas hari dalam masa Raja menjalankan tugas Yang di-Pertuan Agong.

WARIS-WARIS

Waris

29. Waris itu hendaklah daripada bangsa Melayu keturunan Raja seperti yang disyaratkan di dalam Bahagian ini ialah seorang laki-laki dan beragama Islam *Ahli Sunnah Waljama'ah*.

Raja Muda

30. Bakal Ganti Raja itu hendaklah digelar dengan gelaran Raja Muda Perlis yang dinamakan di dalam bahasa Inggeris “Crown Prince of Perlis” dan ditegah tiada boleh mana-mana orang lain menggunakan gelaran itu.

Waris-Waris tiada boleh campur di dalam perkara Negeri

31. Maka Waris-Waris itu tiada sekali-kali beroleh kekuasaan bagi campur di dalam sebarang perkara Negeri atau Kerajaan melainkan hanya ada titah perintah Raja kepadanya:

Akan tetapi jika mana-mana orang yang tersebut itu diangkatkan menjadi seorang pegawai di dalam Negeri ini maka perkara ini tiada terkena kepada pekerjaannya yang dijalankan pada ketika ia memegang jawatan itu.

PERKARA AM**Gelaran dan kebesaran**

32. Maka Raja itu ialah pohon segala kemuliaan dan kebesaran di dalam Negeri ini dan Dia lah sahaja yang boleh mengurniakan gelaran dan kebesaran dan mengadakan pangkat kemuliaan dan alamat kehormatan dan kebesaran akan tetapi patutlah terlebih dahulu jika Raja itu memberitahu kepada Menteri Besar dan mana-mana orang lain yang difikirkannya patut fasal Dia cadang hendak Dia menjalankan kekuasaan kebebasannya menurut Perkara ini dan jika dikehendaki perbelanjaan daripada wang perolehan Negeri di dalam perkara mengadakan pangkat kemuliaan atau alamat kehormatan dan kebesaran itu maka hendaklah didapati persetujuan Dewan Negeri.

Kuasa menurun atau membuang dari pada pangkat martabat

33. (1) Berkuasalah Raja itu dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh menurun atau membuang pangkat martabat mana-mana orang yang telah dikurniakan kepadanya sebarang pangkat atau gelaran atau alamat kehormatan menurut syarat-syarat Perkara 32 jika ada cukup kesalahan atau dosanya yang mengharuskan sedemikian itu.

(2) Jika orang yang diperturunkan atau dibuangkan daripada pangkat martabat itu mempunyai pangkat atau gelaran yang berketurunan maka bolehlah diangkat orang lain oleh Raja dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi memegang pangkat atau gelaran itu dan lepas daripada itu hendaklah berketurunan menurut seperti yang diperintahkan oleh Raja dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Balai penghadapan dan di istana Raja

34. (1) Jika Dia suka boleh Raja itu daripada suatu masa ke suatu masa buat peraturan habuan balai penghadapan dan istananya dan habuan mengangkat pegawai-pegawai balai penghadapan dan istananya dan habuan mengaturkan segala adat istiadat dan habuan menyempurnakan pekerjaan pegawai-pegawai balai penghadapan dan istana Raja itu dan orang yang menanggung pekerjaan adat istiadat dan tatkala membuat demikian itu hendaklah diambil timbang dengan halusi di atas adat istiadat Negeri ini jika ada.

(2) Tiada apa-apapun yang terkandung di dalam ini yang boleh disifatkan melemah kekuasaan yang am bagi Raja itu dengan sifatnya menjadi pohon bagi segala kemuliaan dan kebesaran di dalam Negeri ini.

Kuasa-kuasa khas bagi Yang Maha Mulia

35. Tiadalah sesuatu pun di dalam Bahagian ini boleh mengganggu kedaulatan dan kuasa-kuasa Raja melainkan sebagaimana yang tersebut di dalam Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

KEKUASAAN PERINTAHAN

Kekuasaan perintahan

36. (1) Maka kekuasaan perintahan Negeri ini hendaklah terserah kepada Raja Pemerintah tetapi pekerjaan perintahan itu bolehlah diberikan oleh undang-undang kepada orang atau penguasa yang lain.

(2) Sekalian perbuatan perintahan Kerajaan Negeri ini hendaklah disebut dijalankan dengan nama Raja Pemerintah.

Jawatan Menteri Besar

37. (1) Disyaratkan kepada syarat-syarat Perkara 39 maka hendaklah Pemerintah dengan Surat yang ada tandatangannya yang dimeterai dengan Mohor Kerajaan mengangkat seseorang Menteri Besar.

(2) Tiada boleh diangkat mana-mana orang menjadi Menteri Besar melainkan ia itu daripada bangsa Melayu dan beragama Islam *Ahli Sunnah Waljama'ah*.

Jawatan pegawai-pegawai

38. (1) Maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri; dan pelantikan bagi jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan daripada kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan:

Dengan syarat iaitu sebelum menjalankan kuasanya mengikut syor daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Raja Pemerintah hendaklah menimbang nasihat daripada Menteri Besar dan bolehlah mengemukakan balik syor itu kepada Suruhanjaya sekali supaya syor itu ditimbangkan semula:

Dan dengan syarat iaitu sekiranya tidak ada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkuasa terhadap sebarang lantikan pegawai yang disebutkan di dalam Fasal ini maka lantikan itu bolehlah diperbuat oleh Raja Pemerintah itu mengikut timbangannya.

(2) (a) Setiausaha Kerajaan iaitu daripada bangsa Melayu dan beragama Islam *Ahli Sunnah Waljama'ah* hendaklah menjadi ketua pegawai menjalankan pekerjaan-pekerjaan hal pemerintahan di dalam Negeri ini.

(b) Penasihat Undang-Undang Negeri ini hendaklah memberikan nasihat berkenaan dengan perkara undang-undang yang dipinta pendapatnya oleh Raja Pemerintah atau Kerajaan Negeri ini.

(c) Pegawai Kewangan Negeri ini ialah ketua pegawai menjaga pekerjaan wang Negeri ini.

(3) Tiap-tiap pegawai itu berhak boleh mengambil bahagian di dalam perjalanan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Dewan Negeri dan bolehlah diangkatkan menjadi ahli bagi mana-mana

jawatankuasanya tetapi tiada mempunyai undi di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Dewan Negeri atau di dalam mana-mana jawatankuasa itu.

(4) Sebelum mana-mana pegawai ini mula hadir Majlis Mesyuarat Kerajaan maka hendaklah bersumpah di hadapan Menteri Besar dengan lafaz sumpah yang tersebut di bawah ini:

“Saya,....., dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya tiada sekali-kali dengan terus atau terlindung menyatakan atau membuka rahsia kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa perkara yang dikemukakan bagi timbangan saya atau yang diketahui oleh saya sebagai.....melainkan seperti yang dikehendaki untuk menyempurnakan pekerjaan saya dengan sifat yang tersebut itu atau seperti yang dibenarkan dengan khas oleh Raja Pemerintah.”.

(5) Tiap-tiap pegawai itu hendaklah mendapat hak-hak dan kebebasan yang sama dengan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan ahli Dewan Negeri.

(6) Syarat-syarat Fasal (3), (4) dan (5) hendaklah dikenakan dengan pindaan yang mustahak bagi mana-mana pegawai yang sedemikian yang dilantik bagi menjadi seorang ahli bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan di bawah Perkara 39 atau bagi Dewan Negeri di bawah Perkara 47.

(7) Orang yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri sejurus sebelum dijalankan kuat kuasanya Fasal ini akan terus memegang jawatan itu seolah-olah ia telahpun dilantik di bawah Fasal ini.

Majlis Mesyuarat Kerajaan

39. (1) Raja hendaklah melantik suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti yang tersebut di bawah ini iaitu—

- (a) Raja hendaklah mula-mula sekali melantik seorang ahli Dewan Undangan Negeri yang pada timbangannya boleh mendapat kepercayaan bilangan ramai ahli-ahli Dewan Negeri menjadi Menteri Besar bagi mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan; dan

(b) Raja dengan bertanya fikiran Menteri Besar hendaklah melantik tidak lebih dari sepuluh orang atau tidak kurang dari empat orang lagi, tetapi sekiranya diperbuat satu lantikan manakala Dewan Negeri dibubarkan maka seseorang yang telah menjadi ahli bagi Dewan Negeri yang dahulu bolehlah dilantik tetapi ia tidak boleh terus memegang jawatannya sebagai ahli selepas mesyuarat pertama bagi Dewan Negeri yang baharu kecuali ia menjadi seorang ahli bagi Dewan Negeri yang baharu itu.

(3) Walau apa-apa pun yang tersebut di dalam Fasal ini, seseorang yang jadi warganegara dengan jalan permohonan atau dengan jalan pendaftaran menurut *Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh sekali-kali dilantik jadi Menteri Besar.

(4) Pada masa melantik seorang Menteri Besar maka Raja boleh dengan suka hatinya sendiri meninggalkan apa-apa syarat dalam Undang-Undang Tubuh ini yang mengehadkan haknya memilih seseorang Menteri Besar, jika pada pendapatnya mustahak berbuat demikian untuk memenuhi syarat-syarat dalam Perkara ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah sama bertanggungjawab kepada Dewan Negeri.

(6) Jika Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Negeri, ia hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan jika Dewan Negeri dibubarkan oleh Raja atas permintaan Menteri Besar.

(7) Dengan tertakluk kepada Fasal (6) seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selain daripada Menteri Besar hendaklah memegang jawatan menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan persetujuan Raja, kecuali lantikan ahli itu telahpun dibatalkan oleh Raja Pemerintah dengan nasihat Menteri Besar tetapi seseorang ahli Majlis Mesyuarat itu boleh pada bila-bila masa jua meletakkan jawatannya.

(8) Seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah jangan bercampur tangan dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan yang berkenaan dengan apa-apa jua perkara atau jabatan yang di dalam tanggungjawabnya dan selagi ada perkaitannya dengan apa-apa

*CATATAN—Perkara ini telah dipotong oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963.

perniagaan atau pekerjaan maka hendaklah jangan sekali-kali ia campur tangan dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan dengan perniagaan atau pekerjaan itu ataupun dalam apa-apa keputusan yang harus ada bersangkutan-paut dengan kepentingan-kepentingan kewangannya di dalam perniagaan atau pekerjaan itu.

Sumpah jawatan

40. Lain daripada maksud supaya boleh disempurnakan Perkara ini maka tiada boleh mana-mana ahli duduk mesyuarat atau mengundi (*vote*) di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan sehingga ia telah bersumpah di hadapan Raja Pemerintah atau di hadapan mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Raja Pemerintah dengan lafaz sumpah yang tersebut di bawah ini:

“Saya,....., yang telah dipilih dan dibenar masuk ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis (State Executive Council of the State of Perlis) dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya dengan timbangan saya yang sehabis-habis baik pada segala masa yang dikehendaki atau memberi dengan bebas nasihat saya kepada Raja Pemerintah bagi menjalankan dengan sempurnanya pekerjaan Kerajaan Negeri ini. Saya tidak sekali-kali dengan terus atau terlindung akan menyatakan atau membuka rahsia kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa perkara yang dikemukakan bagi timbangan saya atau diketahui oleh saya sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan seperti yang dikehendaki untuk menyempurnakan pekerjaan saya dengan sifat yang tersebut itu atau seperti yang dibenarkan dengan khas oleh Raja Pemerintah.”,

(demikianlah lafaznya) dan hendaklah ditambah kepada sumpah itu apa-apa lain perkataan yang akan meneguhkan perasaan hati orang yang bersumpah itu yang munasabah dengan agamanya.

Raja Pemerintah hendaklah menurut nasihat

41. (1) Ketika menjalankan pekerjaannya menurut Undang-Undang Tubuh ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai Majlis Raja-Raja maka hendaklah Raja Pemerintah menyempurnakan pekerjaannya menurut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau seorang ahlinya yang menyempurnakan kewajibannya menurut kebenaran Majlis Mesyuarat itu melainkan jika disyaratkan lain

pula oleh Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh ini tetapi Dia berhak dengan permintaannya boleh mendapat apa-apa perkabaran berkenaan dengan Kerajaan Negeri ini yang diperoleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(1A) Jika pada menjalankan pekerjaannya di bawah Undang-Undang Tubuh ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai anggota Majlis Raja-Raja, Raja Pemerintah dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat mana-mana orang atau kumpulan orang, maka Raja Pemerintah hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

(2) Berkuasalah Raja Pemerintah boleh menjalankan menurut timbang tiliknya ketika menyempurnakan mana-mana pekerjaan yang tersebut di bawah ini yang harus diberikan kepadanya (bagi menambah pekerjaan-pekerjaan yang boleh disempurnakan menurut timbang tiliknya menurut Perlembagaan Persekutuan) iaitu —

- (a) mengangkat Menteri Besar;
- (b) tiada mempersetujui permintaan bagi memansuhkan Dewan Negeri;
- (c) meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang berkenaan semata-mata dengan hak kebebasan kedudukan kemuliaan dan kebesaran Raja Pemerintah atau perbuatan atau adat istiadat agama;
- (d) apa-apa pekerjaan sebagai Ketua agama Islam atau bersangkutan dengan adat istiadat orang Melayu;
- (e) mengangkat waris atau waris-waris, Isteri, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja;
- (f) mengangkat orang kepada pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran dan menentukan pekerjaan yang bersangkutan dengannya;
- (g) mengaturkan balai penghadapan dan istana.

(3) Undang-undang Negeri bolehlah mengadakan syarat menyuruh Raja Pemerintah menyempurnakan pekerjaannya lepas muafakat atau dengan cadangan mana-mana orang atau kumpulan orang yang lain daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan ketika menjalankan mana-mana pekerjaan yang lain daripada —

- (a) pekerjaan yang boleh dijalankan menurut timbang tiliknya;

- (b) pekerjaan-pekerjaan yang berkenaan dengan hal menjalankannya ada disyaratkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini atau Perlembagaan Persekutuan.

Bahasa rasmi bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan

42. Bahasa rasmi bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan ialah bahasa Melayu:

Dikecualikan bahawa—

- (a) dengan tidak mengendahkan kepada syarat-syarat Fasal ini, bahasa Inggeris bolehlah pada masa ini digunakan pada sekian-sekian tempoh dan bagi sekian-sekian maksud seperti yang diperuntukkan oleh atau mengikut syarat-syarat Perkara 152 bagi Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) suatu terjemahan di dalam bahasa Inggeris hendaklah diadakan bagi tiap-tiap perkara yang hendak dicetak atau ditulis dan bolehlah diisytiharkan di dalam *Warta Kerajaan*.

Beberapa ahli bagi mencukupi Majlis Mesyuarat Kerajaan

43. Maka boleh juga Majlis Mesyuarat Kerajaan itu menjalankan pekerjaannya jika sekiranya ada kosong di antara ahli-ahlinya itu akan tetapnya tiadalah boleh dijalankan apa-apa pekerjaan melainkan pekerjaan fasal menanggungkan mesyuarat itu jika ada tegahan daripada mana-mana ahli yang hadir fasal ahli-ahli yang hadir itu kurang daripada empat orang lain daripada ahli yang menjadi Yang Dipertua.

Setiausaha Politik

43A. (1) Menteri Besar boleh melantik sesiapa jua pun yang difikirkannya layak untuk menjadi Setiausaha Politik.

(2) Seseorang yang dilantik menjadi Setiausaha Politik mengikut kuasa Perkara ini—

- (a) tidak perlu menjadi seorang ahli Dewan Negeri;
- (b) boleh meletak jawatan pada bila-bila masa jua pun;

- (c) tertakluk kepada perenggan (b) hendaklah terus memegang jawatannya sehingga sampai masanya lantikan itu ditentukan oleh Menteri Besar.

(3) Sebelum seseorang Setiausaha Politik itu menjalankan tugas, ia hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah simpan rahsia seperti berikut di hadapan Menteri Besar:

“Saya,....., dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya, sama ada dengan berterus terang atau berselindungan, tidak akan membuka rahsia kepada sesiapa jua pun berkenaan dengan apa-apa jua perkara yang disampaikan kepada saya untuk timbangan atau yang disampaikan ke pengetahuan saya sebagai seorang Setiausaha Politik kecuali jika dikehendaki diperbuat demikian bagi menyempurnakan tugas dan kewajipan saya iaitu sebagaimana yang dibenarkan dengan khasnya oleh Menteri Besar.”.

(4) Tugas dan kewajipan seseorang Setiausaha Politik dan juga bayaran gajinya hendaklah ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

KUASA AMPUN

Kuasa ampun dan sebagainya

44. (1) Tertakluk kepada Fasal (3), berkuasalah Raja Pemerintah kuasa ampun, pertanggungahan atau tempohan berkenaan dengan sebarang kesalahan yang dilakukan di dalam Negeri ini (yang lain daripada apa-apa kesalahan yang telah dibicarakan oleh Majlis Bicara bagi soldadu) dan sebarang kuasa yang diberikan oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri bagi memperingan atau menangguh atau menukar hukum bagi mana-mana kesalahan itu bolehlah dijalankan olehnya.

(2) Kuasa yang tersebut di dalam Fasal (1) itu hendaklah dijalankan menurut peraturan dan menurut syarat-syarat yang dipertetapkan di dalam Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

(3) Kuasa yang boleh dijalankan oleh Raja Pemerintah di bawah Perkara ini hendaklah dijalankan—

- (a) mengenai Dirinya atau Isterinya, oleh Majlis Raja-Raja; dan

- (b) mengenai anak laki-laki atau anak perempuannya, oleh Raja sesebuah Negeri yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja dan Raja itu hendaklah mengikut nasihat Lembaga Penasihat yang ditubuhkan mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

KUASA NEGERI

Kuasa Negeri berkenaan dengan harta benda, perjanjian dan dakwaan

45. (1) Berkuasalah Negeri ini boleh membeli, memiliki dan menyelesaikan harta benda daripada sebarang jenis dan boleh membuat perjanjian.

(2) Negeri ini boleh mengadu dan diadukan.

MAJLIS UNDANGAN

Majlis Undangan Negeri

46. Majlis Undangan Negeri ini mengandungi Raja Pemerintah dan sebuah Dewan yang dinamakan Dewan Negeri dalam bahasa Inggeris “Legislative Assembly”.

Keanggotaan Dewan Negeri

47. Dewan Negeri hendaklah mengandungi beberapa orang ahli yang dipilih sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Badan Perundangan dan sehingga dibuat peruntukan lain maka bilangan ahli-ahli itu ialah lima belas orang.

Kelayakan ahli

48. Tiap-tiap rakyat yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang tinggal di dalam Negeri ini layak menjadi ahli Dewan Negeri melainkan jika ditegah ia menjadi ahli oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri ini atau oleh mana-mana undang-undang yang tersebut di dalam Perkara 49.

Hal ahli-ahli Dewan Negeri menjadi tiada layak

49. (1) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat Perkara ini maka tiada lulus mana-mana orang menjadi ahli Dewan Negeri ini jika —

- (a) ia berkeadaan dan telah didapati atau dinyatakan tiada sempurna akal;
- (b) ia seorang muflis (*bankrupt*) yang belum dilepaskan;
- (c) ia memegang jawatan yang mendatangkan keuntungan;
- (d) setelah diangkat untuk masuk pemilihan bagi Parlimen atau Dewan Negeri atau setelah ia menjadi wakil pilihan bagi orang yang diangkatkan itu ia tiada menghantarkan penyata perbelanjaan pilihan yang dikehendaki oleh undang-undang di dalam tempohan dan mengikut cara yang dikehendaki itu;
- (e) ia telah diputuskan salah oleh mahkamah di dalam Persekutuan (atau sebelum Hari Malaysia, di dalam wilayah yang terkandung di dalam Negeri Sabah, Sarawak atau Singapura) dan dihukum penjara selama tiada kurang daripada setahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan belum mendapat ampun;
- (f) ia tertegah menurut mana-mana undang-undang yang berkenaan dengan kesalahan bersangkut dengan pilihan untuk salah satu Parlimen atau untuk Dewan Negeri dengan kerana diputuskan salah fasal kesalahan itu atau didapati salah di dalam pendakwaan yang bersangkut dengan pilihan berkenaan dengan perbuatan yang membuktikan kesalahan itu; atau
- (g) ia dengan kehendaknya memperoleh kerakyatan atau menjalankan hak kekuasaan kerakyatan di dalam negeri asing atau membuat kenyataan mengaku taat setia kepada negeri asing.

(2) Sebab yang menghilangkan kuasa atau hak-hak mana-mana orang menurut perenggan (d) atau perenggan (e) di dalam Fasal (1) itu bolehlah dibuangkan oleh Raja Pemerintah dan jika dibuangkan seperti yang tersebut itu hendaklah terhenti pada hujung tempohan lima tahun mulai daripada tarikh yang dikehendaki menghantarkan penyata yang tersebut di dalam perenggan (d) itu atau mengikut kejadiannya tarikh yang dilepaskan daripada tahanan orang yang diputuskan salah seperti yang tersebut di dalam perenggan (e) itu

atau tarikh yang denda yang disebutkan di dalam perenggan (e) itu dikenakan kepada orang itu dan mana-mana orang itu tiada tertegah menurut perenggan (f) di dalam Fasal (1) semata-mata dengan sebab apa-apa yang diperbuatkan olehnya sebelum ia menjadi rakyat.

Syarat menegah menjadi ahli bagi dua kawasan pilihan raya

50. Mana-mana orang itu tiada boleh semasa menjadi ahli Dewan Negeri bagi lebih daripada satu kawasan pilihan raya.

Akibat perkara tiada layak dan ketegahan lantikan dengan tiada persetujuan

51. (1) Jika mana-mana ahli Dewan Negeri itu tiada layak menjadi ahli di dalam Dewan Negeri maka tempatnya hendaklah menjadi kosong.

(2) Jika mana-mana orang yang tiada layak menjadi ahli Dewan Negeri itu dipilih menjadi ahli Dewan Negeri atau jika pemilihan itu bercanggah dengan Perkara 50 maka pilihan itu hendaklah terbatal.

(3) (*Dipotong oleh En. No. 2/1964*).

(4) Mana-mana orang itu tiada boleh dilantikan dengan sah bagi pilihan untuk Dewan Negeri dengan tiada persetujuannya.

Ahli berhenti

52. Mana-mana ahli Dewan Negeri itu bolehlah berhenti daripada menjadi ahli dengan membuat surat yang ada tandatangannya yang dialamatkan kepada Speaker.

Ahli tiada hadir

53. Jika mana-mana ahli Dewan Negeri tiada hadir di dalam Dewan dengan tiada kebenaran Speaker bagi dua kali mesyuarat berturut-turut maka tempatnya itu hendaklah menjadi kosong.

Keputusan berkenaan dengan perkara tiada layak

54. Jika berbangkit apa-apa soalan pasal adakah mana-mana ahli Dewan Negeri itu tiada layak menjadi ahli maka hendaklah diambil keputusan Dewan dan itulah yang muktamad:

Dengan syarat bahawa Perkara ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang amalan Dewan menangguhkan sesuatu keputusan supaya langkah-langkah (termasuk langkah-langkah membatalkan hilang kelayakan itu) yang mungkin menyentuh keputusannya boleh diambil atau ditamatkan.

Memanggil, merentikan dan memansuhkan Dewan Negeri

55. (1) Maka hendaklah Raja Pemerintah dari suatu masa ke suatu masa memanggil Dewan Negeri dan tiada boleh dibiarkan lucut tempohan enam bulan di antara mesyuarat yang lepas di dalam satu persidangan dengan tarikh yang dipertetapkan bagi mesyuarat yang pertama di dalam persidangan yang akan datang.

(2) Berkuasalah Raja Pemerintah boleh menghentikan atau memansuhkan Dewan Negeri.

(3) Dewan Negeri itu melainkan jika dimansuhkan terdahulu lagi hendaklah berjalan terus selama lima tahun daripada tarikh mesyuaratnya yang pertama dan hendaklah termansuh di hujung tempoh itu.

(4) Apakala Dewan Negeri itu dimansuhkan maka hendaklah diadakan pilihan raya di dalam tempohan enam puluh hari daripada tarikh yang dimansuhkannya dan hendaklah dipanggil Dewan Negeri yang baharu bagi mengadakan mesyuaratnya pada tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh itu.

(5) Sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan:

Dengan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Negeri hendaklah, mengikut Fasal (3) menjadi bubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Speaker memberitahu

Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Negeri terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan itu kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

Speaker Dewan Negeri dan Timbalan Speaker

56. (1) Tertakluk kepada Fasal (1A), Dewan Undangan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa memilih mana-mana orang yang ditentukan oleh Dewan Undangan Negeri sebagai Speaker Dewan dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Speaker Dewan kosong selain daripada pemilihan Speaker Dewan.

(1A) Seseorang tidak boleh dipilih menjadi Speaker Dewan melainkan jika dia menjadi ahli atau layak menjadi ahli Dewan Undangan Negeri.

(1B) Mana-mana orang yang bukan ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih sebagai Speaker Dewan hendaklah:

(a) sebelum menjalankan tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan Undangan Negeri satu sumpah jawatan dan taat setia seperti berikut:

“Adalah saya,....., setelah dipilih memegang jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Perlis dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya akan sebenar-benar menjalankan kewajipan saya sebagai Speaker Dewan dengan sedaya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Perlis dan bahawa saya akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis”; dan

(b) oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan Undangan Negeri sebagai tambahan kepada ahli yang dipilih ke Dewan Undangan Negeri:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kuat kuasa bagi maksud peruntukan Perkara 39, dan tiada sesiapa pun berhak, menurut perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara dalam Dewan Undangan Negeri.

(2) Speaker Dewan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Undangan Negeri bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas sesuatu pilihan raya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri selain daripada sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli menurut perenggan (b) Fasal (1B) apabila dia hilang kelayakan menjadi ahli;
- (c) apabila dia hilang kelayakan di bawah Fasal (4); atau
- (d) jika pada bila-bila masa Dewan Undangan Negeri membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Dewan Undangan Negeri boleh dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya menjadi Timbalan Speaker Dewan.

(2B) Seseorang Timbalan Speaker Dewan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila dia terhenti daripada menjadi ahli Dewan Undangan Negeri; atau
- (b) jika pada bila-bila masa Dewan Undangan Negeri membuat ketetapan sedemikian.

(3) Dalam masa Speaker Dewan tidak hadir dalam sesuatu persidangan, Timbalan Speaker Dewan atau, jika Timbalan Speaker tidak hadir atau jika jawatan Timbalan Speaker Dewan kosong, seseorang ahli sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah prosedur Dewan Undangan Negeri, hendaklah menjalankan tugas sebagai Speaker Dewan.

(4) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Speaker adalah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia adalah atau menjadi ahli mana-mana Lembaga Pengarah atau Lembaga Pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu

pengusahaan perdagangan perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada dia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(5) Jika timbul sesuatu soal mengenai hilang kelayakan Speaker di bawah Fasal (4) Dewan Negeri hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

Sumpah ahli-ahli

57. (1) Tiap-tiap ahli Dewan Negeri sebelum mengambil tempatnya hendaklah mengangkat sumpah di hadapan orang yang mengetuai Dewan itu dengan lafaz yang tersebut di bawah ini:

“Saya,....., yang telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri Perlis dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan jawatan saya ini dengan seberapa daya upaya saya, dan saya akan setia dan taat kepada Negeri Perlis dan kepada Persekutuan dan saya akan menjaga, memperindungi dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis.”,

dan jika dia rakyat Raja Pemerintah sehingga dia telah mengangkat juga secara yang tersebut itu sumpah taat setia dengan lafaz yang tersebut di bawah ini:

“Saya,....., mengangkat sumpah bahawa saya akan setia dan taat kepada Duli Yang Maha Mulia.....dan Ganti-Gantinya menurut undang-undang.”.

(2) Maka hendaklah ditambah kepada sumpah itu apa-apa lain perkataan yang akan meneguhkan perasaan hati orang yang bersumpah itu yang munasabah dengan agamanya.

(3) Mana-mana ahli sebelum mengangkat sumpah itu bolehlah mengambil bahagian di dalam pilihan Speaker.

(4) Jika mana-mana ahli tiada mengambil tempatnya dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh yang diadakan mesyuarat pertama bagi Dewan Negeri lepas dipilihkannya atau sekian tempoh lain yang dibenarkan oleh Dewan itu maka hendaklah menjadi kosong tempatnya itu.

Ucapan Raja Pemerintah

58. Maka bolehlah Raja Pemerintah memberi ucapan di dalam Dewan Negeri dan boleh menghantarkan titah kepadanya.

Peraturan Dewan Negeri

59. (1) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh ini maka hendaklah Dewan Negeri itu mengaturkan sendiri peraturannya dan boleh dari suatu masa ke suatu masa membuat, meminda dan membatalkan Peraturan-Peraturan Persidangan dan Perintah-Perintah Majlis Mesyuarat bagi mengatur dan menjalankan dengan sempurna persidangannya dan penjalanan pekerjaan.

(2) Maka bolehlah Dewan Negeri menyempurnakan pekerjaannya walaupun ada kosong di antara ahli-ahlinya dan jika ada mana-mana orang yang tiada berhak hadir atau mengambil bahagian di dalamnya maka perkara itu tiadalah membatalkan mana-mana persidangan.

(3) Setakat yang tiada bercanggah dengan Fasal (4) dan Perkara 4 maka hendaklah Dewan Negeri jika tidak sebulat suara mengambil keputusan dengan bilangan undi yang lebih yang dibuangkan oleh ahli-ahli yang mengundi dan orang yang mengetuai Dewan itu hendaklah mengundi jika mustahak supaya tiada terjadi sama banyak undi itu tetapi dia tiada boleh mengundi di dalam mana-mana perkara yang lain.

(4) Apakala mengaturkan peraturannya maka bolehlah Dewan itu mensyaratkan berkenaan dengan sebarang keputusan yang bersangkutan dengan persidangannya bahawa tiada boleh diambil keputusan melainkan dengan undi yang lebih banyak yang telah ditetapkan atau dengan bilangan undi yang telah ditetapkan.

(5) Ahli-ahli yang tiada hadir di dalam Dewan itu tiada dibenarkan mengundi.

Gaji dan bayaran wang ahli

60. Maka hendaklah Majlis Undangan mengadakan dengan undang-undang bayaran gaji dan sebagainya bagi ahli-ahli Dewan Negeri.

Menzahirkan Rang Undang-Undang

61. Tiap-tiap Rang Undang-Undang melainkan jika dikehendaki segera iaitu diaku dengan surat oleh Speaker hendaklah dizahirkan di dalam *Warta Kerajaan* supaya diketahui oleh sekalian orang sekurang-kurangnya empat belas hari dahulu daripada dibawa timbang di dalam Dewan Negeri.

Menjalankan kuasa membuat undang-undang

62. (1) Kuasa Majlis Undangan bagi membuat undang-undang itu hendaklah dijalankan dengan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dibenarkan oleh Raja Pemerintah.

(2) Maka tiada boleh dibawa timbang atau dicadang mana-mana Rang Undang-Undang atau pindaan yang mengenai perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Negeri di dalam Dewan Negeri melainkan oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2A) Raja Pemerintah hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepadanya mempersetujui Rang Undang-Undang itu.

(2B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak dipersetujui oleh Raja Pemerintah dalam masa yang ditentukan dalam Fasal (2A), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam Fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah Raja Pemerintah mempersetujuinya.

(3) Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apakala dibenarkan oleh Raja Pemerintah atau sebagaimana diperuntukkan dalam Fasal (2B) tetapi tiada boleh dijalankan mana-

mana undang-undang sehingga telah dizahirkannya dengan tiada melemahkan kuasa Majlis Undangan bagi menangguhkan perjalanan mana-mana undang-undang atau bagi membuat undang-undang yang berjalan kuat kuasanya terdahulu daripada masanya.

Perkataan undang-undang

63. Semua undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Undangan hendaklah digelar “Undang-Undang” (*Enactment*) dan perkataan memperbuat undang-undang itu hendaklah dengan lafaz “diperbuat undang-undang ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis”.

Bahasa rasmi bagi Dewan Negeri

64. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Perkara 152 bagi Perlembagaan Persekutuan, maka bahasa rasmi bagi Dewan Negeri ialah bahasa Melayu.

(2) Dengan tidak memperendahkan kepada syarat-syarat Fasal (1), maka bolehlah digunakan bahasa Inggeris selama sepuluh tahun lepas hari merdeka dan kemudian daripada itu sehingga seperti apa jua yang disyaratkan oleh Dewan Negeri—

(i) Maka suratan yang berkuasa—

(a) bagi sekalian Rang Undang-Undang yang hendak dibawa cadang ataupun pindaan yang hendak dicadang di dalam Dewan Negeri itu; dan

(b) bagi sekalian undang-undang dan sekalian undang-undang tambahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri,

hendaklah di dalam bahasa Inggeris; dan

(ii) suatu terjemahan di dalam bahasa Inggeris hendaklah diadakan bagi tiap-tiap perkara yang hendak dicetak atau hendak ditulis dan terjemahan itu bolehlah diisytiharkan di dalam *Warta* Kerajaan.

Beberapa ahli bagi mencukupi persidangan

65. Tiada boleh dijalankan apa-apa pekerjaan oleh Dewan Negeri melainkan pekerjaan fasal menangguhkan persidangan itu jika ada tegahan daripada mana-mana ahli yang hadir itu kurang daripada sesuku bilangannya iaitu lain daripada Speaker atau orang yang menjadi Speaker mesyuarat itu.

SYARAT-SYARAT KEWANGAN

Tiada boleh diambil hasil melainkan dibenarkan oleh undang-undang

66. Maka tiada boleh dikutip hasil atau cukai oleh atau bagi maksud-maksud Negeri ini melainkan dengan atau menurut kebenaran undang-undang.

Perbelanjaan dibayar daripada Kumpulan Wang

67. (1) Maka hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Negeri ini selain daripada sebarang pemberian atau bayaran atau lain-lain wang yang dikeluarkan oleh mana-mana syarat lain di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri ini atau oleh undang-undang Negeri—

- (a) pencen Negeri bagi Raja Pemerintah dan wang bayaran untuk Speaker Dewan Negeri;
- (b) segala bayaran hutang yang tertanggung di atas Negeri ini; dan
- (c) sebarang wang yang dikehendaki bagi menjelaskan bayaran berkenaan dengan apa-apa hukuman, keputusan atau pembayaran terhadap Negeri ini oleh mana-mana mahkamah atau jemaah pengadilan.

(2) Bagi maksud syarat ini bayaran hutang itu termasuklah bunga, bayaran hasil Negeri yang disembahkan untuk membayar hutang Kerajaan, pembayaran semula atau mengurangkan hutang Kerajaan dengan bayar daripada wang yang disembahkan itu dan semua perbelanjaan berkenaan dengan meminjam cagaran kumpulan wang dan belanja dan menebus hutang yang terjadi dengan sebabnya.

Keterangan kewangan tahunan

68. (1) Setakat yang tiada bercanggah dengan Fasal (3) hendaklah Raja Pemerintah berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan menyuruh dibentangkan di hadapan Dewan Negeri keterangan berkenaan dengan anggaran penerimaan dan perbelanjaan Negeri bagi tahun itu dan kecuali Majlis Undangan Negeri mensyaratkan lain pula berkenaan dengan mana-mana tahun maka keterangan itu hendaklah dibentangkan dahulu daripada permulaan tahun itu.

(2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menerangkan dengan berasing-asing —

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang dibayar daripada Kumpulan Wang; dan
- (b) setakat yang tiada bercanggah dengan Fasal (3) wang yang dikehendaki untuk jenis-jenis perbelanjaan lain yang dicadang akan dibayar daripada Kumpulan Wang.

(3) Anggaran penerimaan yang ditunjukkan di dalam keterangan itu tiada termasuk sebarang wang yang diterima dengan jalan Zakat dan Fitrah dan Baitulmal atau hasil yang seumpamanya bersangkut dengan agama Islam dan wang yang ditunjukkan menurut perenggan (b) di dalam Fasal (2) itu tiada termasuk—

- (a) wang yang didapati daripada sebarang pinjaman yang dipinjam oleh Negeri untuk maksud yang tertentu dan diuntukkan bagi maksud itu oleh undang-undang yang membenarkan pinjaman itu;
- (b) wang yang jadi sebarang wang atau bunga daripada wang yang diterima oleh Negeri di bawah jagaan Lembaga Amanah dan akan digunakan mengikut syarat-syarat Lembaga Amanah itu;
- (c) jumlah wang daripada apa-apa jua wang yang disimpan oleh Negeri yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud mana-mana Kumpulan Wang Amanah yang diadakan oleh atau menurut undang-undang.

(4) Keterangan itu hendaklah juga menunjukkan seberapa yang boleh segala harta dan hutang-hutang Negeri pada penghujung tahun kewangan yang lalu dan telah tamat dan bagaimanakah yang dijalankan atau disimpan harta itu dan jenis-jenis hutang yang belum selesai lagi.

Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri

69. Jenis-jenis perbelanjaan yang akan dibayar daripada Kumpulan Wang Negeri tetapi belum dibayar lagi selain daripada wang yang tersebut di dalam perenggan (a) dan (b) Fasal (3) Perkara 68 hendaklah dipermasukkan di dalam satu Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri yang mengadakan syarat bahawa boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang akan wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan dan menentukan wang itu bagi maksud yang dipertetapkan di dalamnya.

Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan yang berlebihan

70. Jika berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan didapati—

- (a) bahawa jumlah wang yang ditentukan oleh Undang-Undang Perbelanjaan Negeri bagi maksud itu tiada cukup atau dikehendaki perbelanjaan bagi maksud yang tiada ditentukan wangnya oleh Undang-Undang Perbelanjaan Negeri; atau
- (b) bahawa telah dibelanjakan apa-apa wang untuk apa-apa maksud yang lebih daripada wang (jika ada) yang ditentukan bagi maksud itu oleh Undang-Undang Perbelanjaan Negeri,

maka hendaklah dibentangkan anggaran tambahan yang menunjukkan wang yang dikehendaki atau yang telah dibelanjakan di hadapan Dewan Negeri dan jenis-jenis perbelanjaan itu hendaklah dipermasukkan di dalam suatu Undang-Undang Perbelanjaan Negeri.

Mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang

71. (1) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat yang tersebut di bawah ini maka tiada boleh dikeluarkan wang daripada Kumpulan Wang melainkan jika wang itu—

- (a) dikenakan di atas Kumpulan Wang; atau
- (b) dibenarkan keluar oleh Undang-Undang Perbelanjaan Negeri.

(2) Maka tiada boleh dikeluarkan wang daripada Kumpulan Wang melainkan menurut peraturan yang disyaratkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Fasal (1) itu tiada terkena kepada mana-mana wang yang tersebut di dalam perenggan (a) dan (b) di dalam Fasal (3) di dalam Perkara 68.

(4) Maka bolehlah Majlis Undangan berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan membenarkan sebelum diluluskan Undang-Undang Perbelanjaan Negeri perbelanjaan bagi sebahagian tahun dan mengeluarkan daripada Kumpulan Wang sebarang wang yang dikehendaki bagi membayar perbelanjaan itu.

SYARAT-SYARAT KHAS BERKENAAN DENGAN ORANG
MELAYU

Memelihara kadar berkenaan dengan pekerjaan, surat kebenaran dan sebagainya bagi orang Melayu

72. (1) Maka tertanggunglah di atas Raja Pemerintah menjaga kedudukan yang khas bagi orang Melayu dan hak-hak yang sah bagi bangsa-bangsa yang lain menurut syarat-syarat Perkara ini.

(2) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Perkara 41 maka hendaklah Raja Pemerintah menjalankan pekerjaannya menurut Bahagian ini dan undang-undang Negeri dengan keadaan yang dikehendaki bagi memelihara kedudukan khas orang Melayu dan supaya tersimpan bagi orang Melayu sekian-sekian bahagian yang difikirkan patut daripada jawatan di dalam pekerjaan Kerajaan Negeri ini dan dermasiswa dan wang, dan lain-lain hak kekuasaan yang seumpamanya berkenaan dengan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas yang diberi atau disediakan oleh Kerajaan Negeri dan jika dikehendaki apa-apa surat kebenaran atau lesen bagi menjalankan pekerjaan atau perniagaan oleh undang-undang Negeri maka pada ketika itu setakat yang tiada bercanggah dengan syarat undang-undang itu dan Perkara ini akan surat kebenaran dan lesen yang seumpama itu.

(3) Menurut Fasal (2) di dalam Perkara ini supaya terpelihara bagi orang Melayu jawatan di dalam pekerjaan kerajaan dan dermasiswa dan wang dan lain-lain hak kekuasaan berkenaan dengan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas berkuasalah Raja Pemerintah boleh mengeluarkan perintah yang am yang dikehendaki bagi maksud itu kepada mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan yang perintahannya itu terkena kepada orang di dalam perkhidmatan kerajaan di dalam Negeri ini atau kepada mana-mana pihak yang berkuasa yang bertanggungjawab fasal memberi kebenaran dermasiswa wang atau lain-lain hak kekuasaan berkenaan dengan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas dan hendaklah Suruhanjaya atau pihak yang berkuasa itu menurut perintah itu dengan sempurna.

(4) Apakala menjalankan pekerjaannya menurut Bahagian ini dan undang-undang Negeri menurut Fasal (1), (2) dan (3) Perkara ini tiada boleh Raja Pemerintah memecat mana-mana orang daripada mana-mana jawatan kerajaan yang dipenuhi olehnya atau merentikan sebarang dermasiswa atau wang atau lain-lain hak kekuasaan berkenaan dengan pelajaran atau latihan atau kemudahan khas yang diperolehnya.

(5) Perkara ini tiada merosakkan syarat-syarat Perkara 73.

(6) Jika menurut undang-undang Negeri sekarang dikehendaki ada surat kebenaran atau lesen bagi menjalankan apa-apa pekerjaan atau perniagaan maka bolehlah Raja Pemerintah menjalankan pekerjaannya menurut undang-undang itu dengan hal keadaan atau memberi perintah am kepada mana-mana pihak yang berkuasa yang bertanggungjawab menurut undang-undang itu fasal memberi surat kebenaran atau lesen itu mengikut seperti yang dikehendaki supaya terpelihara sekian-sekian bahagian daripada lesen atau surat kebenaran itu bagi orang Melayu mengikut yang difikir patut oleh Raja Pemerintah dan hendaklah pihak yang berkuasa itu menurut perintah itu dengan sempurna.

(7) Tiada apa-apa pun di dalam Perkara ini yang boleh dijalankan sehingga merugikan atau membenar mendatangkan kerugian kepada mana-mana orang yang berkenaan dengan sebarang hak kekuasaan, surat kebenaran atau lesen yang telah didapati atau diperoleh atau dipegang olehnya atau boleh ditolak kebenaran memperbaharu bagi mana-mana orang sebarang surat kebenaran atau lesen atau boleh ditolak kebenaran kepada waris atau ganti atau orang yang menerima serahan bagi mana-mana orang sebarang surat kebenaran atau lesen jika menurut lazim boleh diharap dapat kebenaran memperbaharu atau kebenaran itu.

(8) Walaupun ada apa-apa yang tersebut di dalam Bahagian ini jika menurut mana-mana undang-undang Negeri maka dikehendaki apa-apa surat kebenaran atau lesen bagi menjalankan apa-apa pekerjaan atau perniagaan bolehlah undang-undang itu mensyaratkan fasal menyimpan sebahagian daripada surat kebenaran atau lesen itu bagi orang Melayu tetapi bagi maksud mengadakan simpanan itu tiada boleh undang-undang itu—

- (a) merugikan atau membenar mendatangkan kerugian kepada mana-mana orang berkenaan dengan sebarang hak kekuasaan surat kebenaran atau lesen yang didapati atau diperoleh atau dipegang olehnya; atau
- (b) membenar ditolak kebenaran memperbaru bagi mana-mana orang berkenaan dengan sebarang surat kebenaran atau lesen itu atau ditolak kebenaran bagi warisnya atau gantinya atau orang yang menerima serahan daripada mana-mana orang akan sebarang surat kebenaran atau lesen jika menurut lazim boleh diharap akan dapat

kebenaran memperbaharu atau kebenaran itu menurut syarat-syarat yang lain di dalam undang-undang atau menegah mana-mana orang daripada memindah milik serta dengan perniagaannya sebarang lesen yang boleh dipindah milik bagi menjalankan perniagaan itu; atau

- (c) jika dahulu tidak dikehendaki surat kebenaran atau lesen bagi menjalankan pekerjaan atau perniagaan, membenar ditolak kebenaran surat kebenaran atau lesen bagi mana-mana orang bagi menjalankan apa-apa pekerjaan atau perniagaan yang ia telah menjalankan dengan sebenarnya sebelum dijalankan undang-undang itu atau membenar ditolak kebenaran memperbaharu selepas itu bagi mana-mana orang itu sebarang surat kebenaran atau enggan membenar kepada warisnya atau ganti atau orang yang menerima serahan bagi mana-mana orang akan sebarang surat kebenaran atau lesen jika menurut lazim boleh diharap akan dapat kebenaran memperbaharu atau kebenaran itu menurut syarat yang lain di dalam undang-undang itu.

(9) Tiada apa-apapun di dalam Perkara ini yang memberi kuasa kepada Majlis Undangan boleh menegahdakan perniagaan atau pekerjaan semata-mata kerana hendak disimpan untuk orang Melayu.

LAYANAN YANG ADIL

Layanan adil untuk pegawai kerajaan

73. Semua orang walau apa bangsa pun di dalam peringkat yang sama di dalam perkhidmatan Negeri ini setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat pekerjaannya hendaklah diberikan layanan yang adil.

PERKARA AM

Mohor Kerajaan

74. (1) Raja Pemerintah hendaklah menyimpan dan menggunakan Mohor Kerajaan itu.

(2) Maka Mohor Kerajaan itu hendaklah mengandungi perkataan-perkataan “Mohor Kerajaan Negeri Perlis”.

Alatan Kebesaran dan Bendera Negeri

75. Maka Alatan Kebesaran Negeri dan Darjah Kebesaran Raja dan Bendera Kebesaran Raja dan Bendera Negeri hendaklah dipakai dengan berkekalan seperti sekarang juga.

Aturan taraf

76. (1) Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan maka aturan taraf di dalam Negeri ini ialah seperti di bawah ini:

- (a) Duli Yang Maha Mulia Raja;
- (b) Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan;
- (c) Bakal Ganti Raja atau Warisnya Yang Kedua mengikut kejadiannya;
- (d) Menteri Besar;
- (e) mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi yang lazimnya menjalankan kuasa dalam dan bagi Negeri Perlis;
- (f) Speaker;
- (g) ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan menurut susunan tertib yang dipertetapkan oleh Menteri Besar;
- (h) Setiausaha Kerajaan (jika tidak dilantik menjadi seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan);
- (i) Penasihat Undang-Undang Negeri (jika tidak dilantik menjadi seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan);
- (j) Pegawai Kewangan Negeri (jika tidak dilantik menjadi seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan);
- (k) pegawai besar agama Islam di dalam Negeri itu.

(2) Walaupun ada syarat-syarat di dalam Fasal (1) maka bolehlah Raja Pemerintah memberi perintah berkenaan dengan aturan taraf di dalam Negeri ini bagi Dewan Negara atau Dewan Rakyat dan orang yang menyandang pangkat-pangkat atau darjah-darjah kebesaran bagi Persekutuan atau Negeri ini dan ahli-ahli Kerabat di-Raja Perlis.

(3) Setakat yang tiada bercanggah dengan Fasal (1) maka bolehlah Raja Pemerintah memberi perintah berkenaan dengan aturan taraf di dalam Negeri ini bagi orang yang lain.

PERMULAAN

Permulaan

77. Maka Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini hendaklah dijalankan pada tarikh yang dimansuhkan Majlis Mesyuarat Negeri yang dahulu.

KEBEBASAN RAJA

Kebebasan Raja Pemerintah tersimpan

78. Melainkan seperti yang disebutkan di dalam ini maka Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini tiada mengganggu apa-apa pada hak kebebasan (*prerogatives*) dan kekuasaan dan pemerintahan Raja Pemerintah.

SYARAT PERALIHAN

Syarat-syarat sementara berkenaan dengan kandungan Majlis Mesyuarat Kerajaan

79. Selepas dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri yang dahulu maka Majlis Mesyuarat Kerajaan itu hendaklah mengandungi Menteri Besar dan orang lain yang akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia dengan serta-merta selepas daripada pembubaran itu tetapi orang itu tidaklah boleh terus memegang jawatan selepas daripada tarikh dipanggil Dewan Negeri yang pertama yang ditubuhkan menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini melainkan dia itu menjadi seorang ahli bagi Dewan Negeri itu.

Pembatalan

80. Maka inilah dibatalkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis yang dahulunya dijalankan kuat kuasa dan seperti yang dipindahkan daripada suatu masa ke suatu masa.

Mengesahkan

Demikianlah. Begitulah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis.

Ucapan Doa

Barang dirahmati Allah S.W.T. *Malikilmuluk* dan diberkati Nabi Muhammad S.A.W. akan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis bagi selama-lamanya, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Diperbuat di Istana Kami di Arau pada 17 haribulan *Ramadan Hijrah* Nabi S.A.W. seribu tiga ratus tujuh puluh lapan bersamaan hitungan Masihi 26 haribulan Mac seribu sembilan ratus lima puluh sembilan iaitu tahun yang keempat belas Kami di atas Takhta Kerajaan Perlis Indera Kayangan.

PADA MENYAKSIKAN pengurniaan dan ketetapan bagi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis ini dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri adalah kami menurunkan tandatangan di bawah ini:

(*Sain*) SYED HUSSAIN BIN SYED ZAIN JAMALULLAIL

(*Sain*) DATO' LAKSAMANA HAJI MOHD. RAZALLI BIN
HAJI ALI WASI

(*Sain*) HAJI AHMAD BIN HAJI MOHAMED

(*Sain*) WAN AHMAD BIN WAN DAUD

(*Sain*) SHEIKH AHMAD BIN MOHD. HASHIM

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
En. No. 7/1962	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 1962	01-12-1962
En. No. 10/1962	Undang-Undang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) (Bil.2) 1962	31-01-1963
En. No. 2/1964	Undang-Undang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) tahun 1963	26-03-1964
En. No. 9/1965	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan Yang Keempat) tahun 1965	01-06-1964
En. No. 11/1965	Undang-Undang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan Kelima) tahun 1965	22-10-1965
En. Bil. 1/1969	Enakmen (Pindaan) Undang- Undang Tubuh Kerajaan Perlis tahun 1969	18-11-1968
En. Bil. 12/1974	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan Yang Keenam) tahun 1974	20-09-1974
En. Bil. 13/1974	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan Yang Ketujuh) tahun 1974	20-09-1974
En. Bil. 5/1983	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan Kelapan) tahun 1983	23-12-1983
En. Bil. 2/1986	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) tahun 1985	18-07-1986
L.N. Ps. No. 13/1991	Pemberitahuan	22-03-1991

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N. Ps. No. 28/1992	Pemberitahuan	17-04-1992
En. Bil. 2/1992	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 1992	08-01-1993
En. Bil. 9/1993	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 1993	01-10-1993
En. Bil. 2/1994	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 1994	14-10-1994
En. Bil. 8/1995	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 1995	29-12-1995
En. Bil. 2/1999	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 1998	05-03-1999
En. A7	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan) 2006	29-06-2007

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI PERLIS

SENARAI PERKARA YANG DIPINDA

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	En. Bil. 2/1986	18-07-1986
4A	En. A7	29-06-2007
5-11	En. No. 2/1964	26-03-1964
12	En. No. 2/1964 L.N. Ps. No. 13/1991	26-03-1964 22-03-1991
13	En. No. 2/1964 L.N. Ps. No. 28/1992	26-03-1964 17-04-1992
14	En. No. 2/1964	26-03-1964
15-17	En. No. 2/1964 L.N. Ps. No. 28/1992	26-03-1964 17-04-1992
18	En. No. 10/1962 En. No. 2/1964 L.N. Ps. No. 28/1992	31-01-1963 26-03-1964 17-04-1992
19-21	En. No. 2/1964	26-03-1964
22	En. No. 2/1964	26-03-1964
23-31	En. No. 2/1964	26-03-1964
32	En. No. 2/1964 En. Bil. 2/1986	26-03-1964 18-07-1986
33-36	En. No. 2/1964	26-03-1964
37	En. No. 2/1964 En. Bil. 2/1999	26-03-1964 05-03-1999
38	En. No. 2/1964 En. Bil. 9/1993 En. Bil. 2/1999	26-03-1964 01-10-1993 05-03-1999

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
39	En. No. 2/1964 En. Bil. 12/1974 En. Bil. 8/1995	26-03-1964 20-09-1974 29-12-1995
40	En. No. 2/1964	26-03-1964
41	En. No. 2/1964 En. Bil. 9/1993	26-03-1964 01-10-1993
42-43	En. No. 2/1964	26-03-1964
43A	En. No. 9/1965	01-06-1964
44	En. No. 2/1964 En. Bil. 9/1993	26-03-1964 01-10-1993
45-46	En. No. 2/1964	26-03-1964
47	En. No. 2/1964 En. Bil. 13/1974 En. Bil. 5/1983 En. Bil. 2/1992	26-03-1964 20-09-1974 23-12-1983 08-01-1993
48	En. No. 2/1964	26-03-1964
49	En. No. 2/1964 En. Bil. 2/1986	26-03-1964 18-07-1986
50-53	En. No. 2/1964	26-03-1964
54	En. No. 2/1964 En. Bil. 2/1986	26-03-1964 18-07-1986
55	En. No. 2/1964 En. Bil. 1/1969 En. Bil. 2/1986 En. Bil. 2/1994	26-03-1964 18-11-1968 18-07-1986 14-10-1994
56	En. No. 2/1964 En. No. 11/1965 En. Bil. 2/1986 En. Bil. 8/1995	26-03-1964 22-10-1965 18-07-1986 29-12-1995
57-61	En. No. 2/1964	26-03-1964
62	En. No. 2/1964 En. Bil. 8/1995	26-03-1964 29-12-1995

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
63-65	En. No. 2/1964	26-03-1964
66	En. No. 7/1962 En. No. 2/1964	01-12-1962 26-03-1964
67-80	En. No. 2/1964	26-03-1964
Keseluruhan Undang-Undang Tubuh	En. Bil. 2/1986 En. Bil. 9/1993	18-07-1986 01-10-1993
